



## **NOR AZURA ABU BAKAR**

### **LATAR BELAKANG**

Beliau menyambung pengajian di Akademi Seni Kebangsaan (ASK) kini dikenali sebagai ASWARA dalam bidang muzik pada usia 18 tahun. Hampir 15 tahun beliau bergiat aktif di dalam bidang nyanyian.

### **PENCAPAIAN**

Pencapaian beliau di dalam bidang nyanyian seperti Juara Pertandingan Nyanyian Puspanita Kebangsaan sempena Ladies Nite 2015, Juara Pertandingan Nyanyian Lagu Melayu Asli sempena Festival Belia Putrajaya 2014, Pemenang Saguhati Pertandingan Mencipta Lagu Nasyid 2012, dan Pemenang Tempat ke-3 Pertandingan Idola P.Ramlee dan Saloma Peringkat Kebangsaan 2008.

Beliau juga pernah membuat persembahan di luar negara sempena World Technologies Unite di Switzerland pada tahun 2009 dan Persembahan sempena 'Festival Children of Folklore dan Folkgames' di Yilan, Taiwan pada tahun 2006.

Beliau pernah menjadi penyanyi latar untuk program terbitan Astro, TV3, RTM, Kumpulan Wings dan banyak lagi. Beliau juga pernah merakamkan suara untuk Soundtrack Filem 'Susuk' sebuah filem terbitan Grand Brilliance Sdn Bhd pada tahun 2008.

Setelah menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Pendidikan Muzik di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), beliau berkhidmat secara tetap di ASWARA sebagai Pensyarah di Pusat Seni Pentas Tradisional (PuTRA) sehingga kini.